

30 JUN 2003

Samy-Perubatan (Bergambar)/I

IJAZAH TAK DIIKTIRAF BUATKAN MASA DEPAN PENUNTUT KOLEJ PERUBATAN  
MELAKA-MANIPAL TIDAK MENENTU

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Masa depan beratus-ratus penuntut sebuah kolej perubatan di Melaka kini menjadi tidak menentu berikutan keputusan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) untuk tidak mengiktiraf ijazahnya, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata bahawa pada mulanya ijazah daripada Kolej Perubatan Melaka-Manipal, yang kini mempunyai 800 penuntut, diiktiraf oleh MMC ketika ia memulakan operasi pada 1997 tetapi kini ia lagi mengiktirafnya, malahan telah mengenakan berapa peraturan baru.

Katanya beliau telah memaklumkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad supaya memberi penjelasan.

"Saya mengharapkan penjelasan itu pada mesyuarat mingguan Kabinet minggu ini," kata Samy Vellu selepas menyaksikan majlis penyerahan bangunan Berjaya Times Square oleh kontraktor utamanya, Invescor-Dumez Jaya-Woh Hup JV kepada Berjaya Times Square Sdn. Bhd., di sini.

Kolej Perubatan Melaka-Manipal berharga RM50 juta itu dirasmikan oleh Dr Mahathir pada Julai 2001. Ia menawarkan ijazah perubatan menerusi program berkembar di dua kampus utamanya di Melaka dan Manipal, India.

Kolej itu merupakan satu-satunya kolej swasta dan yang pertama di Melaka yang menawarkan pendidikan tinggi dalam bidang perubatan.

Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, berkata bahawa sejak tiga hari lepas beliau menerima banyak panggilan daripada ibu bapa dan penuntut pelbagai bangsa kolej itu yang bimbang.

"Kita tidak dapat tidur, tidak boleh pergi ke mana-mana, ibu bapa menangis, anak-anak menangis. Saya terima panggilan dari semua orang dari kaum Melayu, Cina dan India. Mereka menyoal kenapa keadaan ini terjadi," katanya.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata beliau tidak berfikir diskriminasi merupakan motif bagi tindakan itu.

Katanya beliau khawatir mungkin penuntut Malaysia yang kini belajar ilmu perubatan di Rusia dan Ukraine serta negara lain mungkin menghadapi nasib yang serupa.

"Sekarang bahaya kedua sedang menanti. Saya fikir mereka akan menerima nasib yang sama apabila kembali nanti," katanya.

Samy Vellu juga berharap penuntut Malaysia keturunan India akan diberi 16 tempat untuk menuntut kursus perubatan di Universiti Malaya mulai tahun depan.

Katanya pada tahun ini hanya seorang penuntut keturunan India ditawarkan kursus perubatan di universiti itu berbanding 16 orang sebelum ini, walaupun ramai yang layak.

-- BERNAMA

RV KHY DC MAI